



# **PERATURAN**

## **CAPAIAN INTERNET**

### **DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

# **PERATURAN CAPAIAN INTERNET DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

---

## **SUSUNAN PERATURAN**

---

### **Peraturan**

1. Tujuan
2. Tafsiran dan Interpretasi
3. Skop
4. Capaian Internet
5. Penyalahgunaan Capaian Internet
6. Lain-Lain

# **PERATURAN CAPAIAN INTERNET DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

## **1.0 TUJUAN**

Tujuan Peraturan ini adalah untuk menerangkan kepada pengguna mengenai etika dan kawalan penggunaan internet UTeM.

## **2.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI**

2.1 Dalam Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"ICT" ertinya *Information and Communication Technology*;

"pengguna" ertinya:-

- a) staf - mana-mana orang yang diambil kerja oleh UTeM sama ada secara tetap, kontrak, sementara, sambilan, dan termasuk seseorang yang berkhidmat di UTeM secara pinjaman;
- b) pelajar - seseorang yang mendaftar sesuatu program akademik (sama ada penuh atau separuh masa atau siswazah) di UTeM dan statusnya masih aktif; dan
- c) individu atau kumpulan individu selain staf dan pelajar.

"Peraturan" ertinya Peraturan Capaian Internet Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

"PPPK" ertinya Pusat perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi UTeM;

"PTj" ertinya Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Pejabat/Fakulti/Institut/Pusat atau apa-apa jua nama ia disebut; dan

"UTeM" bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

## 2.2 Interpretasi

- a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- b) Pada bila-bila masa Peraturan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Peraturan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.
- d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Peraturan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Peraturan ini.

## 3.0 SKOP

Peraturan ini merangkumi semua penggunaan internet UTeM dan tidak terhad kepada capaian laman web, pemindahan data atau maklumat dan perbincangan melalui *list group* atau *chat room*.

#### **4.0 CAPAIAN INTERNET UTeM**

- 4.1 Pengguna boleh melayari mana-mana laman web yang berbentuk akademik, penyelidikan, pentadbiran atau rasmi. Manakala laman web yang berbentuk keganasan, lucah, hasutan, dan apa-apa yang boleh menimbulkan atau membawa kepada keganasan, keruntuhan akhlak dan kebencian adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali setelah mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah PPPK melalui sokongan Ketua PTj bagi tujuan akademik, penyelidikan, pentadbiran atau rasmi.
- 4.2 Capaian internet UTeM yang berbentuk hiburan, hobi, atau *leisure* tidak dibenarkan di waktu pejabat seperti laman *online games*, *online radio*, dan *video streaming* yang membebankan rangkaian UTeM kecuali bagi tujuan akademik, penyelidikan, pentadbiran atau rasmi.
- 4.3 Pengguna tidak digalakkan melayari internet tanpa tujuan atau meninggalkan capaian internet *unattended* kerana ianya boleh menyebabkan kesesakan rangkaian UTeM.
- 4.4 Pihak PPPK atas arahan atau kebenaran daripada Jawatankuasa Pemandu ICT UTeM dari semasa ke semasa berhak menapis, menghalang, dan menegah penggunaan mana-mana laman web yang dianggap tidak sesuai.

#### **5.0 PENYALAHGUNAAN CAPAIAN LAMAN WEB**

- 5.1 Pengguna dilarang mengganggu atau mencerooboh (*hacking*) mana-mana laman web jabatan, organisasi dan negara.
- 5.2 Pengguna dilarang mencapai, menyalin, meniplak, mencetak, atau menyebarkan sebarang maklumat daripada laman web yang menyalahi undang-undang yang berkuat kuasa.

## **6.0 LAIN-LAIN**

- 6.1 Sebarang pelanggaran terhadap mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Peraturan ini boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih tindakan di bawah:-
- a) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
  - b) Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuklah apa-apa pindaan dan apa-apa perundangan subsidiari di bawahnya;
  - c) Akta Rahsia Rasmi 1952; atau
  - d) mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.
- 6.2 Peraturan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, peraturan, dan undang-undang lain yang berkaitan yang berkuat kuasa.
- 6.3 Peraturan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.